

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.10.2015**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah GST dipungut setiap bulan sejak pelaksanaannya, jumlah GST yang dibayar balik setiap bulan sejak pelaksanaannya; dan

(b) amaun pembayaran balik yang terlambat bayar dan tempoh masa kelewatan, dan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil kutipan GST sehingga kini akan diumumkan dalam pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 ini.

Bagi tempoh 1 April hingga 31 Ogos 2015, jumlah cukai input yang telah dituntut adalah sebanyak RM8.7 bilion manakala jumlah tuntutan yang telah dibayar adalah sebanyak RM5.6bilion. Amaun selebihnya adalah diperingkat proses untuk dibayar. Bagi bulan Julai 2015, sebanyak 41.6% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 53.8% permohonan telah diproses dalam tempoh 28 hari bekerja dan baki 4.6% permohonan diproses melebihi tempoh 30 hari bekerja.

Tuan Yang DiPertua,

Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk melaksanakan GST termasuk :

- i. RM98 juta bagi sistem perkomputeran MyGST yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dalam tahun 2013 dan 2014;

- ii. RM150 juta penyediaan perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS yang diuruskan oleh SME Corp. iaitu sebanyak RM125 juta tahun 2014 dan RM25 juta tahun 2015;
- iii. RM52.8 juta bagi geran latihan termasuk penganjuran taklimat/ seminar, program *handholding* dan pemberian geran latihan kepada persatuan/ badan bukan Kerajaan iaitu RM10.3 juta tahun 2013, RM19 juta tahun 2014 dan RM23.5 juta tahun 2015; dan
- iv. RM38 juta bagi program publisiti meliputi pelbagai saluran media serta kempen kesedaran GST iaitu RM17 juta bagi tahun 2010 hingga 2013, RM11 juta tahun 2014 dan RM10 juta tahun 2015.